

17/11/1998

Amerika, Jepun perlu selaras tindakan

Faizal Fadzil

SEBAGAI dua negara kuasa besar ekonomi dunia, kehadiran Amerika Syarikat dan Jepun dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) menyuntik kekuatan dan pengaruh kerjasama ekonomi dalam menentukan hala tuju dan masa depan ekonomi dunia.

Jepun dan Amerika Syarikat adalah tunjang ekonomi dunia yang mempengaruhi rentak tari 16 anggota lain. Apec turut dianggotai harimau ekonomi Asia seperti Malaysia, Korea Selatan, Thailand, Taiwan, Hong Kong dan Singapura; anggota Asean seperti Indonesia, Brunei, Filipina; kuasa politik dunia seperti China; dan negara berpengaruh lain seperti Australia dan New Zealand. Mexico dan Papua New Guinea memantapkan lagi kerjasama itu dalam konteks mempengaruhi perjalanan ekonomi rantau Asia Pasifik.

Kemasukan Russia, Peru dan Vietnam dalam sidang kali ini sekali gus menambah kekuatan Apec di samping memperluaskan pengaruhnya.

Peranan Amerika Syarikat dan Jepun dilihat menerusi persepsi yang berbeza. Amerika Syarikat sejak awal penubuhan Apec sentiasa dilihat sebagai satu kuasa yang cuba mempengaruhi perjalanan Apec.

Pada satu peringkat, negara membangun seperti Malaysia seringkali mempertikaikan matlamat Amerika Syarikat dalam Apec sendiri.

Dalam satu kenyataannya di India pada 1993, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan Malaysia tidak mahu terperangkap dengan taktik Amerika Syarikat yang menggunakan Apec untuk melancarkan 'peperangan' dagangan terhadap Kesatuan Eropah (EC).

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak rela Washington memperkudakan negara membangun dan kecil seperti Asean bagi memelihara kepentingan dalam ekonomi antarabangsa.

Pakar Ekonomi Indonesia yang juga Pengarah Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Indonesia pada 1994, Hadi Susastro, berkata Amerika Syarikat cuba menukar Apec sebagai persetujuan perdagangan diskriminasi (DTA) yang akan menjadi alat cukup berkesan menghadapi kekuasaan ekonomi Eropah.

Ketika itu, peperangan ekonomi antara Amerika Syarikat dan Eropah sedang memuncak khususnya membabitkan rundingan dagang pelbagai hala dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt).

Kritikan terhadap matlamat Amerika Syarikat di peringkat awal penubuhan Apec menyebabkan Amerika Syarikat mula menyedari bahawa kerjasama dalam Apec bukan bermakna ia boleh mengenakan tekanan atau memaksa pendiriannya sebagai sebuah kuasa ekonomi dan politik dunia diterima bulat-bulat.

Justeru, Amerika Syarikat mula menilai semula peranannya dalam Apec dengan mengamalkan prinsip bertolak ansur dan menerima pakai pandangan pihak lain termasuk negara kecil dan membangun dunia.

Contoh terbaik dalam soal ini ialah ketika pelaksanaan dasar liberalisasi ekonomi negara anggota ketika di Sidang Kemuncak Apec di Indonesia pada 1994.

Amerika Syarikat pada mulanya menyokong cadangan supaya semua negara anggota melaksanakan liberalisasi perdagangan menjelang tahun 2010.

Bagaimanapun, cadangan itu mendapat tentangan negara membangun seperti Malaysia yang menyarankan supaya setiap negara berhak menentukan bilakah masanya ia mampu melaksanakan dasar liberalisasi perdagangan.

Akhirnya, Apec bersetuju memberi masa kepada negara membangun melaksanakan dasar itu.

Rumusannya, negara maju Apec harus membuka perdagangan mereka menjelang tahun 2010, manakala negara membangun diberi tempoh sehingga 2020 untuk

berbuat demikian.

Jepun pula meskipun dilihat sebagai negara pemimpin bagi masyarakat Asia dan diharap mampu membantu memajukan rantau sebelah sini, turut dianggap sebagai negara yang lebih cenderung mengikut telunjuk Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, imej itu semakin berkurangan apabila Jepun kini lebih cenderung untuk membantu negara membangun Asia Pasifik dan lebih berpegang kepada prinsipnya sendiri berikutan tekanan dalaman negara itu.

Contoh terbaru, isu Liberalisasi Awal Sektor Secara Sukarela (EVSL) yang dijangka menjadi isu utama dalam Apec kali ini selain krisis ekonomi Asia.

Dalam soal ini, Jepun enggan tunduk kepada tuntutan Amerika Syarikat dan Australia supaya negara itu memotong tarif import terhadap produk perikanan dan perhutanan pada mesyuarat kali ini.

EVSL adalah program sukarela yang membolehkan pengurangan tarif ke atas sembilan sektor termasuk barangan dan perkhidmatan alam sekitar, produk ikan, perhutanan, kelengkapan perubatan, telekomunikasi, pertanian, kimia dan tenaga yang dipersetujui dalam Sidang Kemuncak Apec di Kanada tahun lalu.

Bagaimanapun, Jepun menolak cadangan untuk meningkatkan potongan tarif dalam bidang perhutanan dan perikanan kerana negara itu menghadapi 'kesukaran politik' untuk berbuat demikian.

Namun, masalah itu tidak menjejaskan sumbangannya dalam Apec seperti yang didakwa oleh seorang pegawai Amerika Syarikat yang menegaskan bahawa Jepun memainkan peranan destruktif apabila enggan tunduk kepada permintaan itu.

Malah, Jepun telah berjanji untuk memberi bantuan sebanyak AS\$30 bilion kepada lima negara anggota Apec iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Korea, antara sumbangan terbesarnya terhadap anggota keluarga Apec di saat-saat genting ini.

Langkah memulihkan ekonomi negara anggota Apec itu, sejajar hasrat Jepun untuk memberi tumpuan kepada usaha membantu ekonomi Asia dalam sidang kali ini.

"Sidang Kemuncak Apec di Kuala Lumpur kali ini harus memberi tumpuan kepada usaha pemulihan semula ekonomi Asia dan perbezaan pandangan mengenai liberalisasi perdagangan harus dielakkan," kata Menteri Luar Jepun, Masahiro Komura.

Jepun dan Amerika Syarikat tidak dinafikan menjadi penggerak utama Apec. Ketiadaan mereka akan menjadikan Apec sebagai satu kerjasama yang hanya mampu membuat deklarasi tanpa berkeupayaan melaksanakan tindakan susulan bagi memperbaiki ekonomi dunia.

Bagaimanapun, kedua-dua negara itu harus menyelaraskan tindakan dan mengetepikan perselisihan jika mahu memastikan kerjasama Apec tidak terbantut pada masa depan.

(END)